

16 FEB 2000

Abdullah-R&D

TEKNOLOGI R&D PENTING UNTUK BERINOVASI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meminta lebih banyak syarikat bergiat aktif dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) kerana teknologi itu adalah aset penting untuk berinovasi.

Beliau berkata walaupun perbelanjaan dalam R&D semakin bertambah, masih banyak tidak berbuat demikian dan keadaan ini memang membimbangkan dan harus dikikis.

"Industri harus melihat keupayaan teknologi sebagai satu aset strategik dalam meningkatkan keupayaan berinovasi. Kegagalan untuk berinovasi akan menyebabkan firma hilang daya saing dan terus lenyap," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Sains 1999 di sini, malam ini.

Katanya menurut Kajian R&D Kebangsaan 1998 menunjukkan perbelanjaan oleh industri dalam R&D telah bertambah dengan banyaknya selaras dengan peningkatan dalam kegiatan ekonomi negara.

Katanya kerajaan telah memperuntukan sumber-sumber kewangan besar untuk meningkatkan pembangunan R&D, sains dan teknologi.

Katanya sejak 1988, hampir RM2 bilion diperuntukkan untuk pembiayaan R&D sahaja selain memperkenalkan beberapa geran bertujuan untuk membantu usaha-usaha teknologi oleh pihak industri.

Abdullah berkata para saintis kita telah membuktikan kebolehan mereka untuk mencipta idea-idea baru tetapi sering lambat untuk menggunakan pengetahuan baru itu dalam proses penerapan teknologi kepada orang ramai.

"Kerajaan mengakui bahawa transformasi idea kepada inovasi bukanlah mudah. Ia melibatkan pelbagai cabaran dan banyak kajian. Sembilan daripada 10 idea itu tidak sampai ke pasaran," katanya.

Katanya, transformasi itu boleh dipertingkatkan jika organisasi penyelidikan serta mekanisma pembiayaan disusun semula untuk membantu proses tersebut dan perkara itu sedang dititikberatkan dalam kajian semula Dasar S&T yang sedang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengenai kejayaan dalam ekonomi global, beliau berkata, ia akan ditentukan oleh beberapa faktor utama yang antaranya modal manusia, kesediaan untuk berinteraksi secara intelek, prasarana pengetahuan, pembangunan S&T yang terpilih, budaya sains dan nilai-nilai kemasyarakatan.

"Modal manusia dan bukan modal semulajadi atau modal fizikal telah menjadi kekayaan utama dalam abad ke-21. Sehingga kini kita telah berjaya dengan bergantung kepada sumber-sumber bumi kita.

"Sekarang kita perlu meningkatkan penggunaan minda dan harta intelek kita...justeru itu sistem pendidikan kita bukan sahaja perlu mengeluarkan graduan-graduan yang mempunyai kelayakan tetapi harus memupuk di kalangan mereka budaya kreativiti, sikap ambil risiko, ciri-ciri keusahawanan dan yang lebih penting sikap ingin belajar sepanjang umur untuk menghadapi cabaran abad baru ini," tambahnya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, adalah penting bagi kita menarik individu-individu yang terbaik dan pintar ke institusi-institusi penyelidikan bagi memastikan kejayaan penyelidikan itu.

Katanya lagi, ekonomi berasaskan pengetahuan meletakkan premium yang tinggi ke atas kebolehan kita untuk mengadakan kerjasama bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara intelek.

"Institusi penyelidikan awam dan universiti kita hendaklah menggunakan pendekatan yang agresif dan inovatif untuk mengadakan kerjasama dengan

industri. Di suatu pihak, fokus berorientasikan pelanggan harus dijadikan unsur penting dalam penyelidikan awam yang dijalankan untuk kegunaan industri.

Di pihak yang lain, industri kita harus menggunakan strategi yang dirancang dengan baik untuk memperolehi manfaat yang maksimum daripada usahasama dengan syarikat-syarikat atau institusi kajian dari luar negeri kerana pemindahan teknologi tidak mudah berlaku, tambahnya.

"Sehubungan itu, prasarana pengetahuan yang moden amat perlu dalam ekonomi baru dan penyediaan peralatan terkini dalam sistem penyelidikan bukan sahaja penting untuk mendokong usaha berkualiti tinggi tetapi juga memastikan golongan dan penyelidik kita tidak dilatih dalam teknik-teknik masa lalu," katanya.

Katanya lagi, jaringan maklumat yang mantap amat penting untuk memudahkan hubungan dan penyatuan dalam usaha-usaha S&T melalui penggabungan kekuatan dan kemahiran para akademik, institusi penyelidikan awam dan industri.

Elemen pilihan dalam pembangunan S&T adalah penting untuk memastikan sumber-sumber dialihkan kepada bidang-bidang yang memberi pulangan maksimum dan galakan perlu diberikan kepada sektor-sektor yang kukuh dan mempunyai potensi untuk meningkat.

Namun begitu, dalam usaha kita mencapai kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kita tidak boleh mengenyepikan kekuatan tradisi kita dalam pengeluaran pertama seperti sektor pertanian.

Katanya lagi, budaya sains penting untuk menikmati kualiti hidup dalam ekonomi berpengetahuan dan oleh itu, semua harus memahami menfaat mempelajari sains dan kejuruteraan yang sangat penting untuk kebanyakan pekerjaan di masa hadapan.

Kemajuan dalam bidang S&T tidak harus membiarkan jurang antara "information rich" dan information poor" dan kemajuan itu harus menyumbang kepada nilai-nilai kemasyarakatan, tambahnya.

Katanya lagi, kemunculan ekonomi global baru yang berasaskan pengetahuan, teknologi dan inovasi mempengaruhi penentu-penentu kejayaan bagi individu, syarikat dan negara.

"Perubahan dan perkembangan ini walaupun membawa ketidakpastian, telah mewujudkan banyak peluang kepada rakyat di segenap lapisan masyarakat... kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan penuh keyakinan dan berani telah menggunakan kaedah yang tidak konvensional untuk menangani krisis ekonomi yang melanda negara dari masa ke semasa," katanya.

Katanya kejayaan dalam pengetahuan ekonomi ini semakin ditentukan oleh keberkesanan kita dalam mengeluarkan, menganalisa, mengolah dan menyebarkan maklumat untuk menghasilkan produk, proses dan perkhidmatan yang baru atau yang dipertingkatkan mutunya.

"Negara yang diisi dengan aliran idea dan inovasi baru yang berterusan akan muncul sebagai penyumbang dan pemimpin teknologi. Kita di Malaysia sudah yakin bahawa pelaburan dalam kegiatan berasaskan pengetahuan merupakan pra-syarat bagi masa depan kita," katanya.

Katanya kita perlu memantapkan kemahiran dalam pelbagai bidang S&T kerana berdasarkan Laporan Daya Saing Dunia 1999, Malaysia pada keseluruhannya menduduki tangga 32 di kalangan 47 negara yang dikaji bagi kategori S&T dan di kedudukan 41 bagi perbelanjaan R&D dan kakitangan R&D.

Pada majlis itu, Fellow badan ikhtisas Royal Society Chemistry London (FRSC), Malaysia Institute of Chemistry (FMIC) dan Malaysia Oil Scientists and Technologist Association (FMOSTA) Dr Ho Chee Cheong dan Timbalan Dekan (Rancangan lepas ijazah) Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) Prof Dr Looi Lai Meng dipilih bersama memenangi Anugerah Sains Negara 1999.

Pakar Oftalmologi di Jabatan Oftamologi Hospital Kota Bharu Dr Hasnan

Mohamad dan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam, Institut Kejuruteraan Pantai dan Lepas Pantai, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof Madya Dr Noraieni Mokhtar memenangi Anugerah Perekacipta Negara, pensyarah perubatan di Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian Prof Madya Dr Jafri Malin Abdullah, penyelidik di Bahagian Entomologi Perubatan, Institut Penyelidikan Perubatan (IPP), Nazni Wasi Ahmad, pensyarah Jabatan Fizik di Fakulti Sains Fizik Gunaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Roslan Abd Shukor dan penyelidikan di Bahagian Entomologi Perubatan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Seleena Poorani a/p Silva Benjamin di pilih menerima Anugerah Saintis Muda Negara 1999.

Manakala juruteknologi di Bahagian Kajiserangga Perubatan IMR Chan Seng Thim, penolong pegawai Sains Perubatan UKM Noriah Ramli, penolong pegawai penyelidik di Mardi Serdang Rohaya Md Atan dan juruteknologi di Jabatan Sains Kesihatan Sekutu, Fakulti Perubatan UM Tan Kim Lian dipilih memenangi Anugerah Juruteknologi Negara.

--BERNAMA

Apg zb